



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	16/3/2021	MUKA SURAT	:	38
JABATAN	:	SEKTOR TENAGA			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Solarvest antara pembida akhir projek solar LSS@Mentari

BH-Bisnes 16/3/2021 m/s 38

Syarikat pengkhususan sistem solar fotovoltaiik (PV), Solarvest Holdings Bhd melalui anak syarikat milik penuhnya Atlantic Blue Sdn Bhd tersenarai sebagai antara pembida akhir yang berjaya dalam bidaan projek solar berskala besar LSS@Mentari.

Solarvest berkata, senarai pembida yang disenarai pendek diumumkan Jumaat lalu oleh Suruhanjaya Tenaga (ST).

Di antara tiga bidaan disenarai pendek adalah loji jana kuasa solar PV berskala besar dengan kapasiti 25 megawatt (MW) serta 12 MW masing-masing di Manjung, Perak diikuti loji solar 13MW di Kuala Selangor, Selangor.

Katanya, loji jana kuasa solar PV berskala besar dijangka beroperasi menjelang akhir 2022 dan 2023.

Selepas menyiapkan loji solar, Solarvest menjangkakan sumbangan pendapatan sekitar RM8.0 juta sehingga 9.0 juta setiap tahun dari ketiga loji solar itu.

Pendapatan berulang ini akan memberi sumbangan positif kepada prestasi kewangan Solarvest sepanjang tempoh perjanjian pembelian kuasa 21 tahun yang dijangka sehingga 2043.

"Kumpulan yakin berada dalam kedudukan yang baik bagi memenuhi syarat untuk bidaan, disokong oleh kekuatan kewangan kami yang kukuh," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Ketua Pegawai Eksekutif Solarvest, Davis Chong Chun Shiong, berkata kumpulan juga membida untuk Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan dan pentauliahan (EPCC) dari pembida lain yang berjaya di LSS@Mentari.

Beliau berkata, Solarvest bertujuan mengumpulkan kira-kira 300MW projek EPCC, bernilai sekitar RM600 juta hingga RM700 juta yang akan meningkatkan prestasi kewangannya.